



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH BIL: 1 TAHUN 2007

**PERATURAN PEGAWAI KANAN DAN PEGAWAI BOMBA MENINGGALKAN
NEGERI / DAERAH / KAWASAN JAGAAN**

1. TUJUAN

Tujuan Perintah Tetap ini adalah untuk mengawalselia keluaran Pengarah Negeri, Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Negeri, Penguasa Zon, Pegawai Penjaga Balai dan semua Pegawai Kanan Bomba serta Pegawai Bomba meninggalkan Negeri Jagaan / Daerah Zon / Kawasan Jagaan Balai dengan berkesan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sejak kebelakangan ini terdapat banyak kes seperti berikut:

- 2.1.1 Pengarah Negeri meninggalkan negeri yang ia dilantik tanpa pengetahuan dan kelulusan Ketua Pengarah;
- 2.1.2 Timbalan Pengarah Negeri meninggalkan negeri pada ketika Pengarah Negeri tidak berada di dalam negeri tanpa pengetahuan dan kebenaran Pengarah Negeri;
- 2.1.3 Penolong Pengarah Negeri, Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri (IP JBPN) meninggalkan negeri tanpa kawalan dan penyelarasan yang berkesan;
- 2.1.4 Penguasa Zon bagi Sabah dan Sarawak juga didapati meninggalkan daerah zon masing-masing tanpa kawalan dan penyelarasan yang berkesan;

- 2.1.5 Pegawai Penjaga Balai juga didapati meninggalkan kawasan jagaan balai masing-masing tanpa pengetahuan dan kebenaran Pengarah Negeri.
- 2.2 Kecemasan yang melibatkan kebakaran atau bencana khususnya yang berlaku di hujung minggu hanya dikendalikan / dihadiri oleh pegawai operasi di peringkat bawah.
- 2.3 Pengarah Negeri dan Timbalan Pengarah Negeri serta Pegawai Kanan Bomba sukar dihubungi di hujung minggu.
- 2.4 Hujung minggu adalah hari kelepasan bagi Pengarah Negeri. Walau bagaimanapun, semua Pengarah Negeri tidak boleh meninggalkan negeri yang ia dilantik tanpa pengetahuan dan kelulusan Ketua Pengarah.
- 2.5 Hujung minggu adalah hari kelepasan bagi Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Negeri dan pegawai kanan bomba yang bertugas di IP JBPN. Walau bagaimanapun, kelepasan ini tidak membolehkan mereka keluar meninggalkan negeri yang ia dilantik tanpa pengetahuan dan kelulusan Pengarah Negeri.
- 2.6 Hujung minggu adalah hari kelepasan bagi Pegawai Penjaga Balai. Walau bagaimanapun, semua Pegawai Penjaga Balai tidak boleh keluar meninggalkan kawasan jagaan balai yang ia dilantik tanpa pengetahuan dan kelulusan Pengarah Negeri.

3. TAFSIRAN

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba yang dilantik menurut seksyen 3(2) Akta 341;

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba yang dilantik menurut seksyen 3(2) Akta 341;

“Penolong Ketua Pengarah” ertinya Penolong Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba yang dilantik menurut seksyen 3(2) Akta 341;

“Pengarah” termasuklah Pengarah Negeri;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Perkhidmatan Bomba yang dilantik menurut seksyen 3(2) Akta 341;

“Timbalan Pengarah Negeri” ertinya Timbalan kepada Pengarah Negeri bagi sesuatu negeri di dalam negara Malaysia;

“Penolong Pengarah Negeri” ertinya Penolong kepada Pengarah Negeri bagi sesuatu negeri di dalam negara Malaysia;

“Penguasa Zon” ertinya Pegawai Kanan Bomba yang mengetuai Perkhidmatan Bomba bagi zon-zon Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, dan Keningau bagi Negeri Sabah dan Zon Kuching, Miri, Sibul dan Bintulu bagi Negeri Sarawak;

“Pegawai Penjaga Balai” ertinya Pegawai Bomba yang mengetuai Perkhidmatan Bomba bagi sesuatu kawasan jagaan balai bomba.

“Pegawai Kanan Bomba” ertinya seorang Pegawai Bomba dari apa-apa pangkat dari dan termasuk Ketua Pengarah dan ke bawah hingga dan termasuk Penolong Penguasa.

“Pegawai Bomba” ertinya orang yang diguna khidmat dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba bagi melaksanakan tugas-tugas yang pada melaksanakan dia dikehendaki atau dibenarkan memakai pakaian seragam;

“Kawasan” ertinya had kawasan bertanggungjawab;

“Kawasan Jagaan Balai” ertinya had kawasan jagaan bagi sesuatu balai bomba;

“Negeri Jagaan” ertinya had sesuatu negeri di dalam Malaysia;

“Daerah Zon” ertinya had daerah zon bagi Kota Kinabalu, Tawau, Keningau, dan Sandakan bagi Sabah, dan Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri bagi negeri Sarawak;

“Tugas Rasmi” ertinya tugas hakiki pegawai atau tugas jabatan dan meninggalkan tugas setelah mendapat kebenaran dari Ketua Jabatan. Tafsiran ini boleh diperluaskan skopnya melalui penafsiran tugas rasmi dalam Arahan Pengurusan Bilangan 1, 1998 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

“Hari Kelepasan Am” ertinya hari kelepasan bagi Malaysia;

“Hujung Minggu” ertinya hari Sabtu dan Ahad bagi semua negeri di Malaysia kecuali bagi Kedah, Kelantan dan cuti tidak berekod;

“Sentiasa berada dalam Negeri Jagaan yang ia dilantik” ertinya berada di pejabat pada waktu pejabat dan berada di dalam negeri yang ia dilantik pada waktu luar pejabat, hujung minggu dan hari kelepasan Am;

“Sentiasa berada di dalam Daerah Zon yang ia dilantik” ertinya berada di pejabat pada waktu pejabat dan berada di dalam *daerah zon* yang ia dilantik pada waktu luar pejabat, hujung minggu dan hari kelepasan Am;

“Sentiasa berada di dalam *kawasan jagaan balai yang ia dilantik*” ertinya berada di pejabat pada waktu pejabat dan berada di dalam *kawasan jagaan balai yang ia dilantik* pada waktu luar pejabat, hujung minggu dan hari kelepasan Am;

4. PENJALANAN KUASA-KUASA DAN PELAKSANAAN TUGAS-TUGAS

- 4.1 Perlantikan Pengarah Negeri, adalah menurut seksyen 3(3) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 431) dan telah diwartakan menurut seksyen 3(4) akta yang sama. Beliau bertanggungjawab sepenuhnya mewakili Ketua Pengarah, JBPM seperti mana menurut seksyen 7, akta yang sama. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Pengarah JBPN sentiasa berada di dalam *Negeri Jagaan yang ia dilantik*.
- 4.2 Timbalan Pengarah Negeri, adalah bertanggungjawab mewakili Pengarah Negeri bagi negeri yang ia dilantik di dalam melaksanakan tugas-tugas jabatan menurut seksyen 5, Akta 431. Oleh itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Timbalan Pengarah Negeri sentiasa berada di dalam *Negeri Jagaan yang ia dilantik*,
- 4.3 Penolong Pengarah Negeri adalah bertanggungjawab mewakili Pengarah Negeri bagi negeri yang ia dilantik di dalam melaksanakan tugas-tugas jabatan menurut seksyen 5, Akta 341. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Penolong Pengarah Negeri sentiasa berada di dalam *Negeri Jagaan yang ia dilantik*.
- 4.4 Penguasa Zon, bagi zon di negeri Sabah dan Sarawak adalah bertanggungjawab mewakili Pengarah Negeri bagi zon yang ia dilantik di dalam melaksanakan tugas-tugas jabatan menurut seksyen 5, Akta 341. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Penguasa Zon sentiasa berada di dalam daerah zon yang dilantik.
- 4.5 Pegawai Penjaga Balai adalah bertanggungjawab mewakili Pengarah Negeri bagi balai yang ia dilantik di dalam melaksanakan tugas-tugas jabatan menurut seksyen 5, Akta 431. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Pegawai Penjaga Balai sentiasa berada di dalam *kawasan jagaan balai yang dilantik*.
- 4.6 Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di IP JBPN adalah bertanggungjawab mewakili Pengarah Negeri bagi negeri / daerah / kawasan yang ia dilantik didalam melaksanakan tugas-tugas jabatan menurut seksyen 5, Akta 341. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba sentiasa berada di dalam negeri jagaan / daerah zon / kawasan Jagaan Balai (mana yang berkenaan) yang dilantik.

- 4.7 Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di Balai Bomba adalah bertanggungjawab mewakili Pegawai Penjaga Balai bagi balai yang dilantik di dalam melaksanakan tugas-tugas jabatan menurut seksyen 5, Akta 431. Oleh itu adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba sentiasa berada di dalam *kawasan jagaan balai* yang ia dilantik.
- 4.8 Pengarah Negeri hendaklah sepanjang masa memastikan Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Negeri, Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba hendaklah sentiasa berada di dalam *negeri jagaan* yang ia dilantik.
- 4.9 Pengarah Negeri hendaklah sepanjang masa memastikan Penguasa Zon, Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di zon hendaklah sentiasa berada di dalam *daerah zon* yang dilantik.
- 4.10 Pengarah Negeri hendaklah sepanjang masa memastikan Pegawai Penjaga Balai, Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat hendaklah sentiasa berada di dalam *kawasan jagaan balai* yang dilantik.
- 4.11 Pengarah Negeri hendaklah sepanjang masa memastikan Timbalan Pengarah Negeri sentiasa berada di dalam *negeri jagaan* yang ia dilantik semasa ketiadaan beliau.
- 4.12 Pengarah Negeri yang tidak mempunyai Timbalan Pengarah Negeri tetapi melantik mana-mana pegawai yang paling kanan menanggung tugas Pengarah Negeri memastikan pegawai berkenaan sentiasa berada di dalam *negeri jagaan* semasa ketiadaan beliau.

5. PERATURAN YANG MEMBOLEHKAN KELUARAN KE LUAR NEGERI / DAERAH / KAWASAN JAGAAN

- 5.1 Seseorang Pengarah Negeri, dibenarkan meninggalkan negeri jagaan yang dilantik apabila:
- 5.1.1 Melaksanakan Tugas Rasmi atau
 - 5.1.2 Memperolehi cuti rehat dan mendapat kebenaran meninggalkan negeri jagaan yang ia dilantik pada jangka waktu bersamaan dengan cuti rehat menggunakan **Borang Permohonan Cuti Rehat**.
 - 5.1.3 Permohonan untuk melaksanakan tugas rasmi diluar negeri jagaan hendaklah dengan menggunakan **Borang Bertugas Di Luar**

Kawasan Negeri (Format A1 PTO BIL 1 Tahun 2007) dan dikemukakan **satu minggu** sebelum meninggalkan negeri.

- 5.1.4 Kelulusan permohonan melaksanakan tugas rasmi di luar negeri jagaan dan meninggalkan *negeri jagaan* akan dimaklumkan menerusi keratan **JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN** atau mengikut budi bicara Ketua Pengarah.
- 5.1.5 Sekiranya tidak menerima keratan **JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN** atau apa-apa bentuk jawapan maka permohonan adalah tidak **di luluskan**.
- 5.2 Apabila Pengarah Negeri dibenarkan meninggalkan negeri jagaan yang ia dilantik seperti di para 5.1 di atas, Timbalan Pengarah Negeri hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab Pengarah Negeri serta tidak boleh meninggalkan *negeri jagaan* selama mana ia mengambil alih tugas berkenaan.
- 5.3 Bagi negeri yang tidak mempunyai Timbalan Pengarah Negeri atau Timbalan Pengarah Negeri tidak berada di dalam *negeri jagaan*, mana-mana Penolong Pengarah Negeri boleh mengambilalih tugas dan tanggungjawab Pengarah Negeri semasa ketiadaan beliau dan penggantian ini hendaklah dengan kelulusan Ketua Pengarah.
- 5.4 Seseorang Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Negeri, Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai yang bertugas di IP JBPN dibenarkan meninggalkan *negeri jagaan* yang ia dilantik apabila:
 - 5.4.1 Melaksanakan Tugas Rasmi; atau
 - 5.4.2 Memperolehi cuti rehat dan mendapat kebenaran meninggalkan *negeri jagaan* yang ia dilantik pada jangka waktu bersama dengan cuti rehat menggunakan **Borang Permohonan Cuti Rehat**.
 - 5.4.3 Permohonan untuk melaksanakan tugas rasmi di luar negeri jagaan hendaklah dengan menggunakan **Borang Bertugas di Luar Kawasan Negeri / Jagaan (Format B1 PTO Bil. 1 Tahun 2007)** dan dikemukakan **satu minggu** sebelum meninggalkan negeri.
 - 5.4.4 Kelulusan permohonan melaksanakan tugas rasmi diluar *negeri jagaan* dan meninggalkan *negeri jagaan* akan dimaklumkan menerusi keratan **JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN** atau mengikut budi bicara Pengarah Negeri.

5.4.5 Sekiranya tidak menerima keratan **JAWAPAN DIATAS KELULUSAN** atau apa-apa bentuk jawapan maka permohonan adalah tidak **diluluskan**.

- 5.5 Apabila Timbalan Pengarah Negeri dibenarkan meninggalkan negeri yang ia dilantik seperti di para 5.4 di atas, mana-mana Penolong Pengarah Negeri hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab Timbalan Pengarah Negeri serta tidak boleh meninggalkan *negeri jagaan* selama mana ia mengambil alih tugas berkenaan.
- 5.6 Bagi negeri yang tidak mempunyai Penolong Pengarah Negeri atau Penolong Pengarah Negeri tidak berada di dalam *negeri jagaan*, mana-mana Pegawai Bomba yang paling kanan hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab Timbalan Pengarah Negeri semasa ketiadaan beliau dan penggantian ini hendaklah dengan kelulusan Pengarah Negeri. Pegawai Bomba berkenaan tidak boleh meninggalkan *negeri jagaan* selama mana ia mengambil alih tugas berkenaan.
- 5.7 Apabila Penolong Pengarah Negeri dibenarkan meninggalkan negeri yang ia dilantik seperti di para 5.4 di atas, mana-mana Pegawai Bomba yang paling kanan di dalam bahagian / unitnya hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab serta tidak boleh meninggalkan *negeri jagaan* selama mana ia mengambil alih tugas berkenaan.
- 5.8 Seseorang Penguasa Zon yang bertugas di daerah Zon di Sabah dan Sarawak dibenarkan meninggalkan daerah Zon yang ia dilantik apabila:
- 5.8.1 Melaksanakan Tugas Rasmi; atau
 - 5.8.2 Memperolehi cuti rehat dan mendapatkan kebenaran meninggalkan daerah zon yang ia dilantik pada jangka waktu bersamaan dengan cuti rehat dengan menggunakan **Borang Permohonan Cuti Rehat**.
 - 5.8.3 Permohonan untuk melaksanakan tugas rasmi di luar daerah zon hendaklah dengan menggunakan **Borang Bertugas di Luar Kawasan Negeri / Jagaan** (Format **B1 PTO Bil. 1 Tahun 2007** dan dikemukakan **satu minggu** sebelum meninggalkan zon.
 - 5.8.4 Kelulusan permohonan melaksanakan tugas rasmi di luar daerah zon dan meninggalkan daerah zon akan dimaklumkan menerusi keratan **JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN** atau mengikut budi bicara Pengarah Negeri.

- 5.8.5 Sekiranya tidak menerima keratan **JAWAPAN DIATAS KELULUSAN** atau apa-apa bentuk jawapan maka permohonan adalah tidak **diluluskan**.
- 5.9 Apabila Penguasa Zon dibenarkan meninggalkan daerah yang ia dilantik seperti di para 5.8 di atas, mana-mana Pegawai Bomba yang paling kanan hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab Penguasa Zon serta tidak boleh meninggalkan *daerah zon* selama mana ia mengambil alih tugas berkenaan.
- 5.10 Seseorang Pegawai Penjaga Balai dibenarkan meninggalkan kawasan jagaan balai yang ia dilantik apabila:
- 5.10.1 Melaksanakan Tugas Rasmi; atau
- 5.10.2 Memperolehi cuti rehat dan mendapat kebenaran meninggalkan *kawasan jagaan balai* yang ia dilantik pada jangka waktu bersamaan dengan cuti rehat dengan menggunakan **Borang Permohonan Cuti Rehat**.
- 5.10.3 Permohonan untuk melaksanakan tugas rasmi di luar *kawasan jagaan balai* hendaklah dengan menggunakan **Borang Bertugas di Luar Kawasan Negeri / Jagaan** (Format B1 PTO Bil.1 Tahun 2007) dan dikemukakan **satu minggu** sebelum meninggalkan kawasan jagaan.
- 5.10.4 Kelulusan permohonan melaksanakan tugas rasmi di luar kawasan jagaan balai dan meninggalkan *kawasan jagaan balai* akan dimaklumkan menerusi keratan **JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN** atau mengikut budi bicara Pengarah Negeri.
- 5.10.5 Sekiranya tidak menerima keratan **JAWAPAN DIATAS KELULUSAN** atau apa-apa bentuk jawapan maka permohonan adalah tidak **diluluskan**.
- 5.11 Apabila Pegawai Penjaga Balai dibenarkan meninggalkan *kawasan jagaan balai* yang ia dilantik seperti di para 5.10 di atas, mana-mana Pegawai Bomba yang paling kanan hendaklah mengambil alih tugas dan tanggungjawab Pegawai Penjaga Balai serta tidak boleh meninggalkan *kawasan jagaan balai* selama mana ia mengambil alih tugas berkenaan.

6. PERATURAN YANG DITETAPKAN

- 6.1 Pengarah Negeri yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar negeri yang ia dilantik atau cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *negeri jagaan*

yang ia dilantik perlu mendapat sokongan Timbalan Ketua Pengarah Operasi sebelum mendapat kelulusan Ketua Pengarah.

- 6.2 Sekiranya Ketua Pengarah bertugas diluar negara atau bercuti rehat, kelulusan perlu diperolehi daripada Timbalan Ketua Pengarah Operasi atau mana-mana pegawai kanan yang dilantik menanggung tugas Ketua Pengarah.
- 6.2 Timbalan Pengarah Negeri yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar negeri yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *negeri jagaan* yang ia dilantik perlu mendapat kelulusan Pengarah Negeri.
- 6.3 Penolong Pengarah Negeri yang melaksanakan tugas rasmi di luar negeri yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *negeri jagaan* yang ia dilantik perlu mendapat sokongan Timbalan Pengarah Negeri untuk kelulusan Pengarah Negeri. Timbalan Pengarah Negeri berkuasa memberi kelulusan sekiranya Pengarah Negeri tiada dalam negeri jagaan.
- 6.4 Pegawai Kanan Bomba yang bertugas di IP JBPN yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar negeri yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *negeri jagaan* yang ia dilantik perlu mendapat sokongan Penolong Pengarah Negeri untuk kelulusan Pengarah Negeri atau Timbalan Pengarah Negeri sekiranya Pengarah Negeri tiada dalam negeri jagaan.
- 6.5 Penguasa Zon yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar *daerah zon* yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *daerah zon* yang ia dilantik perlu mendapat sokongan Timbalan Pengarah Negeri untuk kelulusan Pengarah Negeri. atau Timbalan Pengarah Negeri sekiranya Pengarah Negeri tiada dalam negeri jagaan.
- 6.6 Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di pejabat *daerah zon* yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar *daerah zon* yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *daerah zon* yang ia dilantik perlu mendapat kelulusan Penguasa Zon.
- 6.7 Pegawai Bomba yang bertugas di IP JBPN yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar negeri yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *negeri jagaan* yang ia dilantik perlu mendapat kelulusan Penolong Pengarah Negeri.
- 6.8 Pegawai Penjaga Balai yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar kawasan jagaan balai yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *kawasan jagaan balai* yang ia dilantik perlu mendapat

sokongan Timbalan Pengarah Negeri untuk kelulusan Pengarah Negeri atau Timbalan Pengarah Negeri sekiranya Pengarah Negeri tiada dalam negeri jagaan.

- 6.9 Pegawai Bomba yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat yang melaksanakan Tugas Rasmi di luar *kawasan jagaan balai* yang ia dilantik atau mengambil cuti rehat yang memerlukan meninggalkan *kawasan jagaan balai* yang ia dilantik perlu mendapat kelulusan Pegawai Penjaga Balai.

7. **PENYEDIAAN LAPORAN BULANAN MENINGGALKAN NEGERI / DAERAH / KAWASAN JAGAAN**

Penyediaan Laporan Bulanan Meninggalkan Negeri Jagaan / Daerah / Zon / Kawasan Jagaan Balai hendaklah dibuat setiap bulan dan diterima pada atau sebelum 10 hari bulan pada setiap bulan seperti berikut:

- 7.1 Pengarah Negeri hendaklah mengemukakan laporan kepada **Ketua Pengarah** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PBN 1** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PBN 1** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.
- 7.2 Timbalan Pengarah Negeri hendaklah mengemukakan laporan kepada **Pengarah Negeri** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PPBN 2** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PPBN 2** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.
- 7.3 Penolong Pengarah Negeri hendaklah mengemukakan laporan kepada **Pengarah Negeri** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PPBN 3** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PPBN 3** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.

- 7.4 Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di IP JBPN mengemukakan laporan kepada **Timbalan Pengarah Negeri** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PB 4** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PB 4** bagi Laporan Meninggalkan Negeri Jagaan Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.
- 7.5 Pegawai Penjaga Balai hendaklah mengemukakan laporan kepada **Pengarah Negeri** dan satu salinan kepada Penguasa Zon bagi negeri-negeri yang mempunyai Zon dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PPB 5** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PPB 5** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.
- 7.6 Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di Balai Bomba hendaklah mengemukakan laporan kepada **Pegawai Penjaga Balai** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PB 6** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PB 6** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.
- 7.7 Penguasa Zon hendaklah mengemukakan laporan kepada **Pengarah Negeri** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PZ 7** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.
 - b) Format **Laporan CR PZ 7** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.
- 7.8 Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba yang bertugas di Pejabat Zon hendaklah mengemukakan laporan kepada **Penguasa Zon** dengan menggunakan format seperti berikut:
- a) Format **Laporan TR PBZ 8** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Tugas Rasmi bagi bulan berkenaan.

- b) **Format Laporan CR PBZ 8** bagi Laporan Meninggalkan Kawasan Jagaan Balai Atas Cuti Rehat bagi bulan berkenaan.

8. **PEMATUHAN**

Semua Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba adalah dikehendaki mematuhi **Perintah Tetap Operasi Bilangan 1 Tahun 2007: Peraturan Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba Meninggalkan Negeri / Daerah / Zon / Kawasan Jagaan** sepenuhnya. Kegagalan mematuhi perintah ini merupakan suatu kesalahan di para 4, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Ketua Pengarah berkuasa mengambil tindakan seperti mana yang diperuntukkan di para 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

9. **PENGECUALIAN**

Peraturan 5 dan 6, Perintah Tetap ini dikecualikan setakat mana yang perlu apabila Ketua Pengarah mengarahkan mana-mana Pegawai Kanan Bomba atau Pegawai Bomba, melaksanakan apa-apa tugas yang pada pendapat Ketua Pengarah memerlukan tindakan segera atau arahan menghadiri mesyuarat di Ibu Pejabat, JBPM atau berjumpa Ketua Pengarah atau apa-apa tugas atau arahan terus dari Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, pengisian borang seperti di para 5, perlu dibuat setelah kembali dari melaksanakan apa-apa tugas atau arahan yang tersebut di atas.

10. **PEMBATALAN**

Dengan adanya **Perintah Tetap Operasi Bilangan 1 Tahun 2007: Peraturan Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba Meninggalkan Negeri / Daerah / Zon / Kawasan Jagaan**, maka Perintah Tetap dan arahan-arahan berikut adalah dibatalkan :

- 10.1. Perintah Tetap Bil 2 Tahun 1986: Peraturan Pegawai-Pegawai Meninggalkan Balai bagi Pegawai Penjaga Balai Bomba.
- 10.2. Surat Arahan Ketua Pengarah Bilangan JBPM: AM/013/2/1 Jld 2(05) bertarikh 4 September 1998 bertajuk Kekeluaran Pengarah Negeri.
- 10.3. Lain-lain Arahan atau Perintah yang bersamaan yang dikuatkuasakan sebelum ini.

11. **TARIKH BERKUATKUASA**

Perintah Tetap Operasi Bilangan 1 Tahun 2007: Peraturan Pegawai Kanan Bomba dan Pegawai Bomba Meninggalkan Negeri / Daerah / Zon / Kawasan Jagaan, ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya ditandatangani oleh Ketua Pengarah.


12. **PENUTUP**

Ketua Pengarah berhak untuk meminda perintah ini dari masa ke semasa. Adalah diharapkan dengan adanya perintah ini, keluaran Pengarah Negeri, Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Negeri, Penguasa Zon, Pegawai Penjaga Balai dan semua Pegawai Kanan Bomba serta Pegawai Bomba meninggalkan Negeri Jagaan / Daerah Zon / Kawasan Jagaan Balai dapat dikawalselia dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh  Jun 2007

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

BERTUGAS DI LUAR NEGERI/KAWASAN JAGAAN

YS Pengarah,

Saya dengan hormatnya memohon kebenaran YS Tuan' untuk bertugas di luar kawasan :

1. Nama :

2. Jawatan :

3. Jenis Tugas : Rasmi ☐

Bersukan ☐

Berkursus ☐

Seminar ☐

Dan lain-lain (nyatakan) :

4. Tarikh & masa meninggalkan negeri/kawasan jagaan:

Tarikh balik ke pejabat :

5. Huraian jenis-jenis tugas yang akan dilaksanakan (Tugas rasmi sahaja) :

Bil	Tarikh	Jenis Tugas	Anggaran masa Melaksanakan Tugas	Catatan

6. Adakah pegawai lain ikut serta :

7. Nyatakan sama ada tugas tersebut boleh atau tidak dilaksanakan oleh pegawai-pegawai lain yang berkhidmat ditempat tersebut atau pegawai-pegawai daripada negeri / wilayah yang berkenaan.

.....
.....

8. Jenis kenderaan yang digunakan :

7.1 Jabatan

7.2 Persendirian

9. Lain-lain catatan (jika ada) :

.....
.....

Tandatangan pegawai yang memohon

Tarikh :

(.....)

Permohonan di sokong / tidak di sokong

Tarikh :

.....
Timbalan/Penolong Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

**JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN
MELAKSANAKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI/KAWASAN JAGAAN**

Kepada,

.....
.....

Permohonan untuk melaksanakan tugas rasmi di luar negeri/kawasan jagaan seperti mana permohonan di atas adalah DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN atau DILULUSKAN dengan syarat dibuat pindaan seperti berikut (jika ada)

.....

.....
Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Negeri :

Tarikh:

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

BERTUGAS DI LUAR NEGERI JAGAAN

YAS Dato' Ketua Pengarah,

Saya dengan hormatnya memohon kebenaran YAS Dato' untuk bertugas di luar negeri jagaan
(Sila nyatakan) :

1. Nama :

2. Jawatan :

3. Jenis Tugas : Rasmi ☐
 Bersukan ☐
 Berkursus ☐
 Seminar ☐
 Dan lain-lain (nyatakan) :

4. Tarikh & masa meninggalkan negeri:

Tarikh balik ke pejabat :

5. Huraian jenis-jenis tugas yang akan dilaksanakan (Tugas rasmi sahaja) :

Bil	Tarikh	Jenis Tugas	Anggaran masa Melaksanakan Tugas	Catatan

6. Adakah pegawai lain ikut serta :
.....

7. Nyatakan sama ada tugas tersebut boleh atau tidak dilaksanakan oleh pegawai-pegawai lain yang berkhidmat ditempat tersebut atau pegawai-pegawai daripada negeri / wilayah yang berkenaan.

.....
.....

8. Jenis kenderaan yang digunakan :

7.1 Jabatan

7.2 Persendirian

9. Lain-lain catatan (jika ada) :

.....
.....

Tandatangan pegawai yang memohon

Tarikh :

.....
()

Permohonan di sokong / tidak di sokong

Tarikh :

.....
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia

**JAWAPAN DI ATAS PERMOHONAN
MELAKSANAKAN TUGAS RASMI DI LUAR NEGERI**

Kepada,
YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Negeri :

Permohonan untuk melaksanakan tugas rasmi di luar negeri seperti mana permohonan di atas adalah **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN** atau **DILULUSKAN** dengan syarat dibuat pindaan seperti berikut (jika ada) :

.....

.....
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia

Tarikh:.....

**LAPORAN PENGARAH NEGERI MENINGGALKAN NEGERI JAGAAN
ATAS CUTI REHAT BAGI BULAN ____ TAHUN ____**

Pengarah JBPN :

[illegible]

LAPORAN TIMBALAN PENGARAH NEGERI MENINGGALKAN NEGERI JAGAAN
ATAS TUGAS RASMI BAGI BULAN ____ TAHUN ____

Timbalan Pengarah JBP :

[illegible]

LAPORAN TIMBALAN PENGARAH NEGERI MENINGGALKAN NEGERI JAGAAN
ATAS CUTI REHAT BAGI BULAN _____ TAHUN _____

Timbalan Pengarah JBPN :

[illegible]

Format Laporan CR PPBN 3

**LAPORAN PENOLONG PENGARAH NEGERI MENINGGALKAN NEGERI JAGAAN
ATAS CUTI REHAT BAGI BULAN ____ TAHUN ____**

Nama :

Penolong Pengarah JBPN :

[illegible]

LAPORAN PEGAWAI KANAN DAN PEGAWAI BOMBA MENINGGALKAN NEGERI JAGAAAN
ATAS TUGAS RASMI BAGI BULAN _____ TAHUN _____

JBPV:

[illegible]

LAPORAN PEGAWAI KANAN DAN PEGAWAI BOMBA MENINGGALKAN NEGERI JAGAAAN
ATAS CUTI REHAT BAGI BULAN ____ TAHUN ____

JBPN:

[illegible]

LAPORAN PEGAWAI PENJAGA BALAI MENINGGALKAN KAWASAN JAGAAN BALAI
ATAS TUGAS RASMI BAGI BULAN _____ TAHUN _____

Pegawai Penjaga Balai :

[illegible]

Format Laporan CR PPB 5

LAPORAN PEGAWAI PENJAGA BALAI MENINGGALKAN KAWASAN JAGAAN BALAI
ATAS CUTI REHAT BAGI BULAN ____ TAHUN ____

Nama & Pangkat :

Pegawai Penjaga Balai :

[illegible]

LAPORAN PENGUASA ZON MENINGGALKAN DAERAH ZON
ATAS TUGAS RASMI BAGI BULAN _____ TAHUN _____

Nama & Pangkat :

Penguasa Zon :

[illegible]

Format Laporan CR PBZ 8

LAPORAN PEGAWAI KANAN BOMBA DAN PEGAWAI BOMBA MENINGGALKAN DAERAH ZON
ATAS CUTI REHAT BAGI BULAN ____ TAHUN ____

Nama & Pangkat :

Daerah Zon :

[illegible]

LAPORAN PENGUASA ZON MENINGGALKAN DAERAH ZON
ATAS TUGAS RASMI BAGI BULAN ____ TAHUN ____

Nama & Pangkat :

Penguasa Zon :

[illegible]

Format Laporan CR PZ 7

LAPORAN PENGUASA ZON MENINGGALKAN DAERAH ZON
ATAS CUTI REHAT RASMI BAGI BULAN ____ TAHUN ____

Nama & Pangkat :

Penguasa Zon :

[illegible]